

Faktor Motivasi dalam Amalan Pembelajaran Hafazan Al-Quran

Motivation Factor in the Learning Practice of Quran Memorization

**Ahmad Rozaini Ali Hasan¹, Iza Faradiba Mohd Patel¹, Abd Rahman Abd Ghani²
& Misnan Jemali²**

¹*Universiti Teknologi Mara, Perak*

²*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

Email: ahmadrozaini@uitm.perak.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau faktor motivasi dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran pelajar di peringkat sekolah menengah. Menghafaz al-Quran merupakan pembelajaran secara kendiri kerana pelajar sendiri perlu berusaha untuk menghafaz ayat-ayat al-Quran sebelum ditasmik oleh guru. Oleh itu, faktor motivasi memainkan peranan yang penting dalam usaha pelajar untuk menghafaz dan menjaga hafazan pelajar. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan set soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data. Sampel kajian adalah terdiri dari pelajar-pelajar tingkatan empat di SMKA seluruh negara. Persampelan secara rawak berlapis digunakan untuk memperolehi sampel kajian. Seramai 814 pelajar telah dipilih untuk menjawab set soal selidik yang berkaitan dengan aspek motivasi dalam pembelajaran hafazan al-Quran. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif iaitu menggunakan peratus dan min. Perisian IBM SPSS versi 22 digunakan untuk menganalisis data kajian. Dapatkan kajian menunjukkan faktor motivasi dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar adalah di tahap yang tinggi ($\text{min} = 3.64$), dan secara langsungnya ia membuktikan bahawa faktor motivasi amat penting dalam mendorong pelajar untuk menghafaz al-Quran.

Kata Kunci: Al-Quran, Motivasi, Amalan Pembelajaran, Hafazan

Abstract

This study aims to observe the motivation factor in the learning practice of Quran memorization among secondary school students. The memorization of the Quran is a self-learning practice as the students strive to memorize the verses in the Quran before reciting them in front of the teacher. Therefore, motivation factor plays a very critical role to the students in their effort to memorize and to retain the memorized verses. This study employed a quantitative research method using a series of survey as an instrument to obtain the data. The sample data comprised of selected form four students of SMKA in Malaysia who are selected based on stratified random sampling technique for data selection. A total of 814 students were selected as participants to take part in answering a series of questionnaires concerning the aspect of motivation in the learning practice of Quran memorization. A descriptive analysis using IBM SPSS Version 22 software was used on the data and the findings were reported in the form of percentages and means. The research findings indicated the motivation factor in the learning practice of quran memorization among the students is relatively at a higher level (mean=3.64). Thus, it can be concluded that motivation is a significant pushing factor in driving the students' interest to memorize the Quran.

Keywords: Al-Quran, motivation, learning practices, memorization

Pengenalan

Al-Quran merupakan kitab rujukan yang paling utama dalam ajaran agama Islam. Konsep mempelajari al-Quran adalah meliputi kemahiran membaca, ulum al-Quran, sebab-sebab nuzul, tafsir dan menghafaz al-Quran. Pada zaman awal Islam al-Quran dihafaz oleh para sahabat dengan menerima terus bacaan dari Rasulullah SAW. Proses menghafaz al-Quran ini diteruskan oleh generasi seterusnya melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara talaqqi dan musyafahah antara guru dan pelajar. Di samping aktiviti penulisan ayat-ayat al-Quran pada zaman Nabi para sahabat juga amat mementingkan hafazan al-Quran (Mohamad Abd Manaf, 2005). Oleh itu, menurut Mohd Yusof Ahmad (2005) pada zaman awal Islam pelajar yang berjaya menghafaz al-Quran mereka dibenarkan belajar di masjid.

Rasulullah SAW telah menerima wahyu yang pertama melalui malaikat Jibril a.s iaitu ayat 1 sehingga 5 surah al-Alaq. Proses pembelajaran menghafaz al-Quran dengan malaikat Jibril a.s menggunakan kaedah talaqqi dan musyafahah. Baginda berusaha dengan bersungguh-sungguh menghafaz ayat-ayat yang diturunkan oleh Allah. Kesungguhan usaha menghafaz ini menyebabkan baginda kadang-kadang terlalu cepat untuk menghafaz di mana malaikat Jibril a.s belum habis membaca baginda telah memulakan hafazan (Mohd Yusof Ahmad, 2002). Sikap baginda ini ditegur oleh Allah dalam surah al-Qiyamah ayat 16-19 yang bermaksud:

“Janganlah Engkau (Wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz Quran Yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah Yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu. Kemudian, Sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan)”.

Berdasarkan pandangan Ibnu Katsir (2012), ayat ini menerangkan proses pembelajaran Nabi Muhammad di dalam menerima wahyu dari Allah. Allah SWT telah menegur baginda kerana cara baginda membaca ayat-ayat al-Quran mendahului Jibril tanpa mendengar sehingga habis wahyu diturunkan. Oleh itu, ibnu Katsir menjelaskan proses pengumpulan wahyu di dalam dada Nabi adalah secara hafazan dan diikuti dengan pembacaan dan penafsiran makna ayat al-Quran tersebut. Selain itu, al-Quran menjelaskan teguran Allah itu dalam surah Toha ayat 114 yang bermaksud:

“Maka Maha Tinggilah Allah, Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Benar (pada segala-galanya). Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum selesai dibacakan Jibril kepada mu dan berdoalah dengan berkata: “Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku.”

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran diatas dapat disimpulkan beberapa amalan pembelajaran dalam menghafaz al-Quran yang perlu dilakukan oleh pelajar ialah menghafaz al-Quran mestilah dengan tidak terburu-buru di samping itu pelajar mesti memiliki ketenangan dan kesabaran dalam usaha menghafaz al-Quran. Nabi sendiri telah menjelaskan tentang kepentingan bersabar dalam kehidupan ini termasuklah dalam aktiviti pembelajaran seseorang pelajar. Selain itu, al-Quran juga menerangkan kaedah pembelajaran hafazan al-Quran dengan membaca semula ayat-ayat yang telah dihafaz. Pembacaan ayat-ayat al-Quran adalah satu proses pengukuhan hafazan tersebut. Kesan dari amalan ini akan membantu pelajar untuk mengingat semula ayat-ayat yang telah dihafaz dan proses ingatan semula ini merupakan fasa mengingat kembali apa yang tersimpan dalam fikiran seseorang pelajar itu (Kamarudin, 2010). Selain itu, al-Quran diturunkan secara beransur-ansur bermula dengan

surah al-Alaq dalam bulan ramadhan bersamaan 6 Ogos 610M yang memakan masa lebih kurang 23 tahun (Abdullah Siddik, 1994). Penurunan secara beransur-ansur ini telah dinyatakan oleh al-Quran mengenai proses tersebut, seperti firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 106 yang bermaksud:

"Al-Quran ini Kami turunkan secara beransur-ansur supaya kamu bacakannya kepada manusia dengan perlahan-lahan dan Kami turunkannya sedikit demi sedikit (beransur-ansur)".

Antara hikmat proses penurunan al-Quran secara beransur-ansur adalah untuk mendidik dan memberikan ketenangan kepada nabi untuk menghafaz dan menjalankan segala perintah al-Quran. Keadaan ini memberikan peluang kepada para sahabat untuk mempelajari al-Quran secara berperingkat-peringkat dan hasilnya para sahabat mempunyai asas pendidikan al-Quran yang kukuh untuk menguasai ilmu Islam yang lain (Ash Shabuny, 2002). Seterusnya baginda telah menjelaskan amalan al-Quran dalam hidup seharian baginda kerana tarbiyah terus dari al-Quran (Al-Qabbaini, 1994). Saidatina Aisyah telah menyatakan akhlak Rasulullah adalah akhlak al-Quran kerana al-Quran sendiri telah mengiktiraf akhlak Nabi Muhammad dalam maksud firman Allah SWT surah al-Qalam ayat 14:

"Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai budi pekerti yang luhur."

Oleh itu, amalan menghafaz al-Quran adalah satu Sunnah yang penting untuk terus diikuti dan diamalkan oleh semua umat Islam kerana al-Quran adalah petunjuk dan cahaya bagi orang-orang yang beriman.

Objektif Dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan pandangan yang dicadangkan oleh al-Qabisi (1955) dalam kitabnya yang bertajuk *Ar-risalah al-mufassolah li ahwal al-muallimin wa ahkam wal mutaalimin*. Beliau telah menggariskan beberapa aspek penting dalam pendidikan al-Quran pelajar iaitu pentingnya faktor motivasi dalam mendorong pelajar untuk menghafaz al-Quran seperti dorongan keluarga, guru dan hadiah. Oleh itu, objektif kajian ini untuk meninjau faktor motivasi dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar SMKA. Soalan kajian dibentuk seperti iaitu apakah faktor motivasi dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran pelajar?

Motivasi Dalam Pembelajaran Hafazan Al-Quran

Motivasi bermaksud dorongan dalaman yang tinggi untuk memenuhi matlamat yang digariskan (Sharifah Akmam, 2005; Keller, 2010). Individu yang mempunyai motivasi sentiasa fokus dan mempunyai matlamat dalam setiap kerja yang dilakukan. Usaha untuk menghafaz al-Quran juga memerlukan motivasi yang tinggi kerana pembelajaran hafazan al-Quran berlaku secara kendiri. Motivasi yang tinggi akan mendorong pelajar untuk menghafaz dan menjaga hafazan mereka dengan baik. Terdapat beberapa seruan al-Quran yang memberikan motivasi kepada para penghafaz al-Quran. Antara faktor utama yang mendorong pelajar untuk menghafaz al-Quran ialah faktor niat. Pembelajaran hafazan al-Quran adalah merupakan satu ibadah untuk menghampiri Allah SWT. Oleh itu, syarat untuk sesuatu amalan itu menjadi ibadah ialah amal yang ikhlas dan bersesuaian dengan syariat (Abdul Hafiz & Hashimah, 2004). Sesuai dengan amalan menghafaz al-Quran satu ibadah yang mulia maka amalan menghafaz turut mempunyai adab-adab yang mesti dilaksanakan oleh seseorang pelajar dalam menghafaz al-Quran. Pengamalan adab-adab ini dapat menunjukkan penghormatan seseorang muslim terhadap al-Quran. Selain itu, terdapat adab-adab yang perlu

dilakukan oleh seseorang pelajar sebelum menghafaz al-Quran. Amalan ini dapat membentuk pelajar yang sentiasa bermotivasi tinggi dalam menghafaz bahkan menjaga hafazan al-Quran.

Amalan berdoa merupakan amalan yang mulia dilakukan oleh penghafaz al-Quran. Pelajar yang berdoa sebelum membaca al-Quran menunjukkan pelajar mempunyai kesediaan untuk menghafaz al-Quran. Amalan membaca selepas menghafaz al-Quran juga satu tuntutan yang mesti dilakukan oleh pelajar (Abdul Hafiz, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad & Idris Ismail 2003). Selain itu, bagi meningkatkan motivasi pelajar dalam menghafaz al-Quran penyertaan dalam pertandingan ujian hafazan al-Quran turut dapat meningkat amalan mengulang hafazan pelajar (Abdul Hafiz & Hashimah, 2004). Amalan menyertai pertandingan ini dapat memberikan motivasi kepada pelajar kerana ujian hafazan mewujudkan suasana ujian yang mencabar. Persaingan ini dapat menguji kemampuan dalam menghafaz al-Quran malah pelajar dapat memperolehi pengalaman yang berharga melalui pertukaran pandangan dengan peserta yang lain (Abdul et al. 2003).

Pelajar yang bermotivasi dalam pembelajaran hafazan al-Quran mempunyai usaha secara kendiri untuk menghafaz ayat-ayat hafazan. Usaha ini dilakukan tanpa paksaan dengan sentiasa mendengar berulang kali bacaan oleh *qari* al-Quran (Abdul Hafiz et al. 2003). Amalan ini disukai dalam kalangan penghafaz kerana ia tidak terlalu memberi tekanan akal fikiran kepada penghafaz untuk mengingatinya. Penghafaz hanya perlu serius mendengar bacaan setiap ayat yang hendak dihafaz melalui kaset-kaset rakaman tilawah al-Quran yang sudah diakui kesahihannya dan mendengar secara berulang-ulang. Sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam solat berjemaah sama ada solat fardhu ataupun solat sunat, baginda SAW akan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran kepada para maknum di belakangnya. bacaan ayat-ayat yang dibaca dan diperdengarkan oleh Rasulullah SAW adalah merangkumi surah-surah yang panjang dan pendek. Dengan pendekatan ini, telah lahir di kalangan para sahabat yang dapat menghafaz ayat-ayat suci al-Quran kerana sering mendengar ulangan bacaan ayat-ayat tersebut (Abdul Hafiz et al. 2003). Usaha yang berulang ini merupakan proses yang mulia untuk memelihara kandungan ayat al-Quran (Sedek Ariffin et al. 2012).

Usaha untuk menghafaz ayat al-Quran memerlukan pelajar mempunyai semangat dan motivasi yang tinggi. Menurut Abu Najihat (2002) untuk menghafaz al-Quran pelajar seharusnya bersiap sedia menghadapi sebarang kesusahan dan kesulitan semasa menghafaz, sabar di dalam mengulangkaji hafazan yang telah diperolehi dan pelajar seharusnya mempunyai perhatian yang tinggi terhadap al-Quran iaitu dengan menyifatkan bahawa menghafaz al-Quran dan sikap mengagungkannya perlu dimiliki oleh penghafaz al-Quran, kerana mereka sedang melakukan sesuatu yang amat agung dan mulia selari dengan keagungan dan kemuliaan al-Quran. Bersesuaian dengan kedudukan al-Quran merupakan kitab dari Allah SWT yang diturunkan kepada penutup segala *anbiya*' Nabi Muhammad SAW dengan lafadz dan makna dari Allah SWT secara mutawatir daripada awal mushaf dimulai surah al-Fatiha sehingga surah al-Nas (Muhammad, 1987).

Menurut Nor Musliza (2014), proses untuk menghafaz dan memahami kandungan hafazan memerlukan pelajar untuk berusaha sendiri pelajar untuk memudahkan hafazan semasa takar di luar kelas bukannya di dalam kelas pensyarah. Pelajar hanya diperbaiki hafazannya oleh pensyarah dengan sekadar mencelah dalam memberi kefahaman kepada pelajar semasa tasmi' kerana kelas tasmi' hanya diperuntukkan untuk kelancaran hafazan sahaja bukannya untuk kefahaman disebabkan kekangan masa tasmi' dan kesuntukan waktu.Berdasarkan Sedek Ariffin et al. (2014) menyatakan Allah SWT telah memuji dan menyanjung tinggi kepada orang yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan dan gelaran yang mulia seperti pilihan Allah (Fatir (35): 32), orang yang telah diberi ilmu (al-Ankabut (29): 45) dan penjaga keaslian al-Quran (al-Hijr (15): 9). Oleh itu para penghafaz al-Quran seharusnya merasa bangga kerana terpilih sebagai penjaga al-Quran.

Motivasi merupakan faktor penting dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran kepada pelajar. Amalan menghafaz al-Quran merupakan pembelajaran kendiri kerana faktor kemampuan dan kebolehan pelajar untuk menghafaz al-Quran adalah terletak kepada diri pelajar sendiri. Faktor luaran seperti guru, ibu bapa, cara belajar dan rakan dapat membantu pelajar untuk menghafaz dan menjaga hafazan pelajar. Walaupun demikian, amalan pembelajaran hafazan al-Quran ini masih terletak kepada diri pelajar sendiri. Oleh itu, pembelajaran hafazan al-Quran memerlukan motivasi yang tinggi bagi setiap pelajar untuk menghafaz al-Quran.

Metodologi Kajian

Bagi setiap kajian lapangan aspek metodologi kajian amat penting kerana dapat memastikan hasil kajian yang sahih dan tepat. Menurut Creswell (2009) menerangkan rekabentuk kajian ialah perancangan perlaksanaan sesebuah kajian menggunakan kaedah yang terperinci bagi mengumpul dan menganalisis data yang diperolehi dan menjadi panduan kepada penyelidik untuk memilih maklumat bagi menjawab persoalan kajian yang digariskan (Zamalia, 2008). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan (*survey*) yang menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data.

Menurut Abdul Majid (1990), soal selidik digunakan untuk mengukur ciri-ciri dan pembolehubah dari saiz sampel yang banyak. Oleh itu, kaedah ini sesuai dijalankan untuk memberi penjelasan terhadap pembolehubah-pembolehubah kajian (Lim, 2007). Penggunaan rekabentuk ini adalah bersesuaian untuk mengenalpasti dan meneroka fenomena atau tingkahlaku yang masih belum berkembang atau dikenali kerana kajian amalan pembelajaran dalam faktor hafazan al-Quran masih belum terdapat kajian yang khusus dijalankan (Mohd Majid Konting 2005; Azmil 2010). Sesuai dengan objektif kajian untuk meninjau faktor motivasi dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar. Rekabentuk ini dapat digunakan untuk mendapatkan maklumat responden mengenai pendapat, sikap dan persepsi (Creswell, 2005).

Dapatan Kajian

Secara umumnya, analisis deskriptif tahap amalan pembelajaran hafazan al-Quran dari faktor motivasi menurut responden pelajar adalah pada skor min 3.64 (72.8%) dengan sisihan piawai 1.103 iaitu berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian bagi amalan pembelajaran hafazan al-Quran dari faktor motivasi menurut responden pelajar adalah seperti dalam Jadual 4.12 di bawah. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak empat item soal selidik yang mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi dan enam item mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana. Bagi peringkat interpretasi min yang rendah terdapat tiga item sahaja. Analisis terperinci menunjukkan sebanyak empat item berada tahap interpretasi min yang tinggi. Item-item mengikut urutan tertinggi adalah seperti berikut ; item A9 iaitu mencintai al-Quran (min 4.58, sp = 0.781) dengan nilai peratus sangat kerap 71.6% dan kerap 18.6%, item A13 merasa beruntung kerana menghafaz al-Quran (min 4.17, sp = 1.030) dengan nilai peratus sangat kerap dan kerap 76%, item A12 berusaha mengulang ayat hafazan sehingga fasih (min 3.82, sp = 1.061) dengan peratus sangat kerap dan kerap 63.1%, item A1 mengikhlaskan niat kerana Allah (min 3.69, sp = 1.067) dengan peratus sangat kerap dan kerap 59.3%.

Pada peringkat interpretasi skor min tahap sederhana menunjukkan sebanyak enam item iaitu A11 berusaha menjaga hukum tajwid (min 3.62, sp = 1.089) dengan peratus sangat kerap 25.8% dan kerap 30.1%, item A8 menghafaz dengan rela sendiri (min 3.38, sp = 1.181) dengan peratus sangat kerap 22.5% dan kerap 24.3%, item A10 mengulangkaji sendiri ayat yang dihafaz (min 3.20, sp = 1.190) dengan peratus sangat kerap 18.7 dan kerap 22%, item A4 berdoa setelah hafaz ayat al-Quran (min 3.20, sp = 1.273) dengan peratus sangat kerap 17.1% dan kerap 21.4%, item A2 membaca doa sebelum menghafaz ayat al-Quran (min 3.08, sp = 1.201) dengan peratus sangat kerap 17.1% dan kerap 21.4%, item A7 sentiasa mendengar al-Quran dalam kenderaan (min 2.86, sp = 1.121) dengan peratus sangat kerap 10.4% dan kerap 18.6%. Manakala hanya tiga item mencatatkan interpretasi min tahap rendah iaitu item A3 membaca doa khusus sebelum menghafaz (min 2.21, sp = 1.080) dengan jumlah peratus sangat kerap dan kerap 13.7%, item A5 menghadiri majlis ujian hafazan al-Quran (min 2.11, sp = 0.906) dengan jumlah peratus sangat kerap dan kerap 9.1% dan item A6 mengambil bahagian dalam ujian hafazan al-Quran (min 2.05, sp = 1.009) dengan jumlah peratus sangat kerap dan kerap 9.8% %.

Jadual 1: Taburan peratusan dan min faktor motivasi pelajar dalam pembelajaran hafazan al-Quran menurut perspektif pelajar

Bil	Item	Peratusan % - Frekuensi					Min	S.P	Int
		1 %	2 %	3 %	4 %	5 %			
A9	Mencintai al-Quran	0.6	2.7	6.5	18.6	71.6	4.58	0.781	T
A13	Merasa beruntung kerana menghafaz al-Quran	1.6	6.9	15.6	24.6	51.4	4.17	1.030	T
A12	Mengulang ayat hafazan sehingga fashih	1.4	11.7	23.8	30.1	33.0	3.82	1.061	T
A1	Mengikhlaskan niat menghafaz	0.6	16.8	23.2	31.9	27.4	3.69	1.067	T
A11	Menjaga hukum tajwid ayat hafazan	2.0	15.7	26.4	30.1	25.8	3.62	1.089	S
A8	Menghafaz al-Quran tanpa paksaan	4.4	22.1	26.7	24.3	22.5	3.38	1.181	S
A10	Mengulangkaji sendiri ayat hafazan	4.7	30.0	24.7	22.0	18.7	3.20	1.190	S
A4	Membaca doa setelah menghafaz Al-Quran	7.9	29.4	20.9	21.1	20.8	3.18	1.273	S
A2	Membaca doa sebelum membaca Al-Quran	3.9	39.3	18.3	21.4	17.1	3.08	1.201	S
A7	Mendengar bacaan <i>qari</i> al-Quran dalam kenderaan	6.8	40.0	24.2	18.6	10.4	2.86	1.121	S
A3	Membaca doa yang khusus hafazan al-Quran sebelum menghafaz	27.4	42.4	16.5	9.3	4.4	2.21	1.080	R
A5	Menghadiri majlis ujian hafazan Al-Quran	21.7	57.0	12.2	6.5	2.6	2.11	0.906	R
A6	Mengambil bahagian dalam ujian hafazan Al-Quran	31.2	46.7	12.3	6.0	3.8	2.05	1.009	R
Min Keseluruhan							3.64	1.103	S

Petunjuk - 1: Tidak Pernah 2: Jarang-Jarang 3: Kadang-Kadang 4: Kerap 5: Sangat Kerap
 T: Tinggi S: Sederhana R: Rendah N=814

Secara keseluruhannya analisis mendapati amalan pembelajaran hafazan al-Quran kerap dilakukan oleh responden dalam faktor motivasi adalah menyemaikan perasaan cintakan al-Quran. Selain itu, perasaan merasa sangat beruntung kerana dapat peluang untuk menghafaz al-Quran turut menyumbang motivasi pelajar dalam menghafaz al-Quran. Walaupun demikian, dapatan kajian menunjukkan pelajar kurang membaca doa khusus untuk menghafaz al-Quran dalam pembelajaran hafazan al-Quran. Pelajar juga kurang menyertai majlis dan mengambil bahagian dalam ujian hafazan al-Quran.

Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian faktor motivasi dari perspektif responden pelajar dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tingkatan empat SMKA adalah pada tahap skor min yang sederhana iaitu 3.64, sp = 1.103. Bagi perbincangan berdasarkan item-item dalam faktor motivasi dalam pembelajaran hafazan al-Quran menurut responden pelajar antara item ialah mencintai al-Quran (min 4.58); merasa beruntung kerana menghafaz al-Quran (min 4.17). Motivasi dalam merupakan faktor penting dalam mendorong pelajar untuk menghafaz al-Quran kerana usaha untuk menghafaz tidak menjanjikan ganjaran yang berbentuk material berbanding dengan pelajaran lain. Oleh itu, kekuatan motivasi dalam iaitu mencintai dan merasa syukur kerana menghafaz al-Quran akan memastikan semangat dan usaha pelajar terus berkekalan.

Dalam menghafaz al-Quran perasaan mencintai dan menghargai usaha untuk menghafaz al-Quran kerana perasaan ini timbul dari kesedaran terhadap al-Quran adalah kitab yang terakhir dari Allah S.W.T untuk manusia dan memiliki lafadz dan makna yang mutawatir bermula dari surah al-Fatihah hingga an-Nas (Muhammad, 1987). Al-Quran merupakan *kalamullah* yang sepatutnya setiap

umat Islam muliakan dan sifat cintakan al-Quran ini akan memberikan syafaat dan rahmat kepada manusia yang mempunyai sifat cintakan al-Quran (Abdul Hafiz & Hashimah, 2004).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran bahawa faktor motivasi sangat mempengaruhi amalan pembelajaran hafazan al-Quran. Ini terbukti terhadap pelajar tingkatan empat di beberapa Sekolah Menengah Agama (SMKA) di Malaysia. Kajian membuktikan bahawa motivasi yang tinggi dapat mendorong pelajar untuk menghafaz ayat-ayat hafazan dengan baik dan berkesan. Selain itu juga, pelajar yang mencintai al-Quran akan lebih memuliakan al-Quran dan sentiasa menjaga adab berintraksi dengan al-Quran. Oleh yang demikian, faktor motivasi sangat memberikan impak yang besar kepada pelajar dalam usaha menjaga ayat-ayat yang telah dihafaz dan mereka dilihat dapat mempraktikkan dalam kehidupan sehari-hari.

Rujukan

- Al-Qabisi.(1955). *Ar-risalah al-mufassolah li ahwal al-muallimin wa ahkam wal mutaalimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-Arabiyah.
- Abdul Hafiz Hj. Abdullah & Hashimah Muda. (2004). *Kaedah hafazan al-Quran yang sistematis dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikh.Islam: Past, Present & Future* (pp. 93-102). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Hj. Ahmad (2010). *Strategi Pembelajaran Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak*. Kuching: PROFES Sarawak.
- Mohd Yusof Ahmad. (2005). *Konsep pendidikan Islam dan kepentingannya*. Bentong: PTS Publication.
- Mohd Yusof Ahmad.(2002). *Falsafah dan sejarah pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abu Najihat Al-Hafiz. (2002). *Panduan bagi hafiz hafizah dan qari qari'ah*. Selangor: Penerbit Darul Iman.
- Abdullah Basmih. (2000). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam JPM.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ash Shabuny. (2002). *Al-tibyan fiulum al-Quran*. Batu Caves: Crescent News (KL) Sdn Bhd.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Ibnu Katsir. (2012). *Terjemahan tafsir ibnu katsir*. Jakarta: Pustaka Imam As-Syafi'i.
- Ismail Mahsyuri. (1993). *Fadhilat membaca dan menghafaz al-Quran serta panduan menghafalnya*. Kuala Lumpur: Syaraikat Nurulhas.
- Keller, J. M. (2010). *Motivational design for learning and performance*. Florida: Springer.
- Kamarudin Hussin. (2010). *Psikologi pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Misnan Jemali. (2008). *Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran sekolah menengah*. Tesis PhD.Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Abdul Manaf. (2005). *Tajwid al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Abu Syahbah. (1987). *Al-Madkhil li dirasah al-Quran al-karim*. Riyadh: Dar al-Luwa.
- Noraini Omar. (2008). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam matapelajaran Pendidikan Islam tingkatan lima. *Jurnal Penyelidikan IPG Tun Abdul Razak Kota Samarahan*, 54-74.
- Nor Musliza, Mukmin Basri. (2014). Perbandingan kaedah hafazan al-Quran tradisional dan moden: satu kajian awal. *International Conference of the Social Science Research (ICSSR)* (pp. 827-833). Kota Kinabalu: ICSSR.
- Sedek Ariffin, Mustaffa Abdullah, Khader Ahmad. (2015). Method on memorization the Quran in Malaysia. *International Conference on Global Business, Economics, Finance and Social Sciences*, (pp. 1-9). Bangkok.
- Sheikh Abdullah Basmih. (1995). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

- Sharifah Akam, S. (2005). *Panduan dan strategi motivasi diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zamalia Mahmud. (2008). *Handbook of research methodology: a simplified version*. Shah Alam: UPENA UiTM.